

725 terima darjah kebesaran NS

SEREMBAN 13 Jan. - Seramai 725 individu akan menerima darjah, bintang dan pingat kebesaran kerajaan negeri sempena Hari Keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir Ke-68, esok.

Bekas Naib Canselor Universiti Selangor, Prof. Datuk Dr. Kamarudin Kachar mengetuai senarai apabila dianugerahkan Darjah Seri Setia Negeri Sembilan (SSNS) yang membawa gelaran Datuk Seri pada istiadat di Balai Rong Seri Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah dekat sini.

Bagi Darjah Datuk Paduka Negeri Sembilan (DPNS) pula, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebudayaan dan Adat Istiadat Melayu negeri, Abdul Razak Ab. Said mengetuai senarai lima penerima yang membawa gelaran Datuk.

Turut menerima darjah berkenaan, Hakim Mahkamah Tinggi Seremban, Datuk Kamaludin Md. Said; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal; Pengarah Bukan Eksekutif IJM Land Berhad, Datuk Ir. Soam Heng Choon serta aktivis, Halimah Mohd. Said.

Sementara itu, dua individu akan menerima Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) yang turut membawa



DR. KAMARUDIN KACHAR



ABDUL RAZAK AB SAID



Dua individu akan menerima Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) yang turut membawa gelaran Datuk iaitu arkitek, Datuk Ir. Hajeedar Abdul Majid dan aktivis masyarakat, Vivienne Leong.

gelaran Datuk iaitu arkitek, Datuk Ir. Hajeedar Abdul Majid dan aktivis masyarakat, Vivienne Leong.

Bagi Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) yang juga membawa gelaran Datuk, seramai 32 penerima diperkenankan bagi tu-

juan berkenaan.

Mereka ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Abdul Razak Jaafar; bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Pilah, Adnan Abu Hassan; Timbalan Ketua Pengarah Institut Hubungan Luar dan Diplomasi, Aminahtun A. Karim; Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Arsad Abdul Samad dan Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan (PKNS), Hasnul Mohamed.

Antara penerima lain ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Lokman Hakim Ali; Pengerusi Persatuan Jurutera negeri, Ir. Mohammed Noor Abu Hassan; Pengetua Cemerlang King George V, Mohd. Md. Isa; Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Noor Aziah Mohd. Awal; Pengarah Kanan Jabatan Veterinar, Dr. Rosini Alias; Pesuruhjaya Pandu Puteri negeri, S. Jeyadhevi dan Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Shari-fah Hashim.

Sementara itu, seramai 39 orang menerima Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS), lima penerima bagi Darjah Tuanku Muhriz (DTM) dan 13 penerima Darjah Pekerti Terpilih (DPT).